

16 JAN 1998

SULUH BUDIMAN SOKONG MAHATHIR PERTAHAN KEDAULATAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Persatuan Suluh Budiman menyokong penuh perjuangan dan pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani masalah ekonomi negara akibat manipulasi matawang oleh pihak luar.

Sokongan persatuan itu dinyatakan dalam resolusi yang diluluskan pada mesyuarat agungnya yang ke-21 di Institut Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, baru-baru ini.

Persatuan berkenaan, yang dianggotai bekas penuntut institut itu dan kini diketuai oleh Prof Tan Sri Awang Had Salleh, menyeru semua rakyat Malaysia berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dalam ikhtiarnya mempertahankan maruah bangsa dan negara.

Ia juga menggesa ahli-ahli ekonomi tempatan membuat penyelidikan dan kajian serius ke arah mengembalikan kekuatan ekonomi dan matawang negara.

-- BERNAMA

SJ NMO